

Pemuda MIC Hantar 500kg Keperluan Asas Ke Kuala Krai
Bernama
Dec 26, 2014

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Pemuda MIC akan menghantar kira-kira 500 kilogram barangan keperluan asas seperti makanan dan ubat-ubatan kepada mangsa banjir di Kuala Krai, Kelantan, pagi esok.

Ketuanya C. Sivarraajh berkata ia sebagai tindakan segera pergerakan itu selepas menerima panggilan daripada mangsa banjir yang terperangkap dan belum mendapat bantuan.

"Selepas Pemuda MIC menerima panggilan itu semalam, kami berjaya mengumpulkan semua bekalan yang perlu dalam tempoh satu hari dengan bantuan Timbalan Presiden MIC Datuk Seri Dr S. Subramaniam," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini hari ini.

Beliau bersama beberapa Exco Pemuda MIC yang kini berada di Kuantan akan bergerak ke Kuala Krai pada 9 pagi esok menggunakan helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Katanya Pemuda MIC akan menghantar bekalan tambahan jika terdapat mangsa banjir yang masih memerlukan bantuan.

Selain itu, Sivarraajh berkata kira-kira 500 sukarelawan Pemuda MIC turut digerakkan untuk membantu mangsa banjir di seluruh negara sejak tiga hari lepas.

"Tadi kami bertemu Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob. Timbalan Perdana Menteri meminta kami bekerjasama membantu mangsa banjir di Pantai Timur," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096413>